Jelasnya, kerajaan sekali lagi mengubah kaedah pengagihan pada tahun ini, apabila 12 syarikat diberi hak mengeluarkan benih padi sah selepas berlaku masalah ketika Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menjadi pengedar tunggal tahun lalu.

"Kelewatan petani menerima benih padi sah sekali lagi berlaku tahun ini dan ia dijangka menjejaskan jadual tanaman kira-kira 110,000 hektar sawah di seluruh kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Sebagai contoh di kawasan Jerlun, lebih 1,000 petani tidak dapat memulakan musim tanaman baharu yang sepatutnya bermula 15 Oktober lalu, kerana kami belum menerima bekalan benih padi yang sepatutnya dihantar ke PPK.

"Pengedar jelas gagal menghantar benih padi yang diperlukan mengikut jadual tanaman ditetapkan pihak MADA dan kesannya terpaksa dihadapi petani yang sudah siap melakukan kerja membajak serta penyediaan tapak sawah," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu lebih 20 pesawah dari PPK 12 Jerlun melakukan bantahan menuntut kerajaan segera menyelesaikan masalah agihan benih padi dan menolak varieti MR219 terus dibekalkan kepada mereka kerana ia didapati menjejaskan hasil pada musim lalu.

Mengulas lanjut, Che Ani berkata, benih padi MR219 mula diperkenal pada 2001, namun dihenti penggunaannya pada 2012 kerana mudah diserang penyakit pada daun dan tangkai sehingga menyebabkan pokok padi mudah rebah.

"Bagaimanapun varieti MR219 kembali digunakan pada 2019, walaupun Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) tahu ia boleh menyebabkan kehilangan hasil tuaian sehingga 50 peratus kepada petani.

"Disebabkan itu, kami mendesak kerajaan menghentikan pengeluaran benih MR219 dan petani dibekalkan dengan pilihan benih padi yang lebih sesuai seperti Seri Waja MR315 atau MARDI Sempadan 302, Sebemas 307 dan Siraj 297.

"Selain itu, tindakan tegas juga perlu diambil ke atas pengedar yang menyeleweng harga benih padi serta peniaga yang mengambil kesempatan menjual benih padi pada harga yang tinggi di pasaran terbuka," katanya.

Sementara itu, petani, Syafie Said, 66, berkata pesawah di kawasan PPK 12 Jerlun memerlukan kira-kira 34,000 beg benih padi bagi memulakan musim menanam baharu pada bulan ini.

"Sepatutnya pengedar hantar benih padi ke PPK 12 Jerlun dua minggu lalu, tetapi sehingga hari ini pihak PPK memaklumkan belum terima kerana ada masalah di pihak pembekal menyebabkan musim menanam tidak dapat dimulakan lagi.

"Apa yang menghairankan, benih padi ada pula dijual di kedai pembekal peralatan pertanian, namun harganya melambung sehingga RM48 seguni seberat 20 kilogram sedangkan harga jualan sepatutnya cuma RM33," katanya.

Seorang lagi petani, Ramli Omar, 75, berkata penggunaan benih padi MR219 memberi kesan amat besar kepada hasil tuaiannya apabila hanya mampu mendapat hasil kira-kira 4.5 tan sehektar pada musim lalu.

"Secara purata pesawah di kawasan ini sepatutnya boleh mendapat hasil purata tujuh tan padi sehektar seperti yang pernah diterima sebelum ini, tetapi sejak kami dibekalkan varieti MR219, pelbagai masalah berlaku.

"Selain itu, kami turut berhadapan masalah kenaikan harga racun sehingga 60 peratus menyebabkan keuntungan jualan padi tidak mampu menampung pelbagai kos yang perlu ditanggung pesawah," katanya.



Sebahagian pesawah melakukan bantahan di Kampung Tempayan Pecah, Jerlun berikutan kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis - Foto NSTP/Luqman Hakim Zubir

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/10/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI KEDAH | 26 |

# Kawal harga benih padi elak perbuatan monopoli

**AYER HITAM** - Kerajaan perlu tegas dalam pengawalan harga benih padi kerana dikhuatiri dimonopoli pihak tertentu yang mengambil kesempatan mencari keuntungan atas kelemahan petani.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, tindakan itu perlu diambil bagi mengatasi masalah benih padi yang berlaku ketika ini.

Beliau menjelaskan, ini kerana dikhuatiri ada peniaga ataupun pengilang yang tidak mematuhi harga ditetapkan kerajaan.

"Antara isu lain termasuklah sebahagian benih padi yang dikeluarkan dipercayai bukan dari tapak benih yang sebenarnya dan kartel dalam agensi terbabit perlu dihapuskan segera demi menangani isu itu

"Kelemahan kerajaan dalam mengatasi masalah membekal dan mengedarkan benih padi kepada seluruh petani di Malaysia khususnya kawasan MADA turut dikesali," katanya pada sidang akhbar di Kampung Tempayan Pecah pada Selasa.



CHE ANI

Dalam perkembangan sama, Che Ani berkata, kelewatan pengagihan benih padi turut mengakibatkan masalah pematuhan dan perubahan jadual tanaman disebabkan musim tengkujuh dan kemarau sehingga boleh menyebabkan hasil pendapatan petani berkurang.

Beliau berkata, pihaknya juga berharap ada jalan penyelesaian untuk membayar ganti rugi kepada petani yang menggunakan benih padi MR 219 yang disyorkan sebelum ini apabila padi terbabit diserang penyakit karah daun, karah tangkai dan rebah hingga menyebabkan hasil tuaian terjejas.

"Lebih memeritkan ada dalam kalangan petani yang terlibat mendakwa turut terkesan dan dihimpit masalah kenaikan harga racun sehingga melebihi 60 peratus yang didakwa membebankan mereka.

"Justeru, kita berharap kementerian berkaitan perlu mengambil langkah-langkah segera untuk mengatasi masalah ini," ujarnya.

Beliau menambah pihak kerajaan khususnya MADA juga diminta bertindak segera memberi kembali peruntukan kerja-kerja mencuci sungai, parit dan tali air kepada empat kali semusim berbanding dua kali semusim.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/10/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 23 |

# Dakwa lewat proses agih benih padi

**Kubang Pasu:** Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) mendakwa berlaku sekali lagi kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain berkata, pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini selain tiada penyelesaian diambil kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

Jelasnya, kerajaan sekali lagi mengubah kaedah pengagihan pada tahun ini apabila 12 syarikat diberi hak mengeluarkan benih padi sah selepas berlaku masalah ketika Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menjadi pengedar tunggal tahun lalu.

"Kelewatan petani menerima benih padi sah sekali lagi berlaku tahun ini dan ia dijangka menjejaskan jadual tanaman kira-kira 110,000 hektar sawah di seluruh kawasan Mada.

"Contoh, di Jerlun, lebih 1,000 petani tidak dapat memulakan musim tanaman baharu yang sepatutnya bermula 15 Oktober lalu kerana mereka belum menerima bekalan benih padi yang sepatutnya dihantar ke PPK.

"Pengedar gagal menghantar benih padi yang diperlukan mengikut jadual tanaman ditetapkan Mada dan kesannya terpaksa dihadapi petani yang sudah siap melakukan kerja membajak serta penyediaan tapak sawah," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, lebih 20 pesawah dari PPK 12 Jerlun melakukan bantahan menuntut kerajaan segera menyelesaikan masalah agihan benih padi dan menolak varieti MR219 terus dibekalkan kepada mereka kerana ia didapati menjejaskan hasil pada musim lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/10/2021 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Kelewatan menyebabkan gangguan jadual penanaman sejak tiga tahun lalu

# Rayu benih padi diedar ikut jadual

**JERLUN** – Lebih 50,000 pesawah yang mengusahakan tanaman padi seluas 100,000 hektar di kawasan Lembaga Kemajuan Muda (MADA) di negeri ini mendakwa berlaku masalah kelewatan bekalan benih padi sah sejak tiga tahun lalu.

Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Mat Zain berkata, kelewatan bekalan benih padi tersebut menyebabkan pesawah tidak dapat menuai mengikut jadual penanaman padi yang ditetapkan termasuk terpaksa bertembung musim hujan dan kemarau.

Menurutnya, kegagalan pesawah menanam padi ikut jadual itu akan menyebabkan hasil tanaman padi dan pendapatan mereka merosot kerana berhadapan cuaca tidak menentu pada hujung tahun.

"Mengikut jadual, kebanyakan pesawah di kawasan MADA sepatutnya telah menerima bekalan benih padi dan mereka perlu menanam padi bermula 15 Oktober lalu," katanya.



**SEBAHAGIAN** daripada pesawah yang menyertai himpunan pesawah bagi mendesak benih padi dapat dibekalkan segera di Kampung Tempayan pecah, Jerlun semalam.

Beliau berkata demikian pemberita ketika mengetuai himpunan pesawah bagi mendesak benih padi dibekalkan segera di Kampung Tempayan pecah di sini semalam.

Che Ani memberitahu, pada masa ini, pihaknya juga masih belum mendapat jaminan daripada syarikat pembekal padi terbabit tarikh bekalan padi dapat dihantar kepada pesawah di kawasan MADA.

Tambahnya, Kementerian Pertanian dan agensi yang terlibat sepatutnya dapat memastikan pembekal dan pengedar benih padi kepada pesawah mengikut jadual yang ditetapkan oleh MADA.

"Masalah kelewatan pesawah menerima bekalan benih padi berlaku sejak beberapa musim penanaman padi sebelum ini.

"Kami merayu Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian dan MADA membantu selesaikan masalah kelewatan bekalan benih padi ini," ujarnya.

Sementara itu, seorang pesawah, Shafie Said, 66, pula mendakwa, pesawah juga berhadapan dengan kenaikan benih padi yang semakin mahal.

Jelasnya, kenaikan harga benih padi membebankan selain hasil jualan padi semakin merosot.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/10/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19 |


# Lebih 50,000 pesawah lewat terima benih padi

## Masalah agihan berterusan sejak tiga tahun lalu masih tiada jalan penyelesaian

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my




*Sebahagian pesawah melakukan bantahan berikutan kelewatan proses pengagihan benih padi di Kampung Tempayan Pecah, Jerlun, semalam.*
(Foto Luqman Hakim Zubir /BH)

**Kubang Pasu:** Badan Bertindak Petani MADA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, berkata pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini selain tiada penyelesaian diambil kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Katanya, kerajaan sekali lagi mengubah kaedah pengagihan tahun ini, apabila 12 syarikat diberi hak mengeluarkan benih padi sah selepas berlaku masalah ketika Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menjadi pengedar tunggal tahun lalu.

"Kelewatan petani menerima benih padi sah sekali lagi berlaku tahun ini dan ia dijangka menjejaskan jadual tanaman kira-kira 110,000 hektar sawah di seluruh kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Sebagai contoh di kawasan Jerlun, lebih 1,000 petani tidak dapat memulakan musim tanaman baharu yang sepatutnya bermula 15 Oktober lalu, kerana kami belum menerima bekalan benih padi yang sepatutnya dihantar ke PPK.

"Pengedar jelas gagal menghantar benih padi yang diperlukan mengikut jadual tanaman ditetapkan pihak MADA dan kesannya terpaksa dihadapi petani yang sudah siap melakukan kerja membajak serta penyediaan tapak sawah," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu lebih 20 pesawah dari PPK 12 Jerlun melakukan bantahan menuntut kerajaan segera menyelesaikan masalah agihan benih padi dan menolak varieti MR219 terus dibekalkan kepada mereka kerana ia didapati menjejaskan hasil pada musim lalu.

Mengulas lanjut, Che Ani berkata, benih padi MR219 mula diperkenal pada 2001, namun dihenti penggunaannya pada 2012 kerana mudah diserang penyakit pada daun dan tangkai menyebabkan padi mudah rebah.

"Bagaimanapun varieti MR219 kembali digunakan pada 2019, walaupun Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) tahu ia boleh menyebabkan kehilangan hasil tuaian sehingga 50 peratus kepada petani.

"Disebabkan itu, kami mendesak kerajaan menghentikan pengeluaran benih MR219 dan petani dibekalkan dengan pilihan benih padi yang lebih sesuai seperti Seri Waja MR315 atau MARDI Sempadan 302, Sebemas 307 dan Siraj 297.

"Selain itu, tindakan tegas juga perlu diambil ke atas pengedar yang menyeleweng harga benih padi serta peniaga yang mengambil kesempatan menjual benih padi pada harga yang tinggi di pasaran terbuka," katanya.

Sementara itu, petani, Syafie Said, 66, berkata pesawah di kawasan PPK 12 Jerlun memerlukan kira-kira 34,000 beg benih padi bagi memulakan musim menanam baharu pada bulan ini.

"Apa yang menghairankan, benih padi ada dijual di kedai pembekal peralatan pertanian, namun harganya melambung sehingga RM48 seguni seberat 20 kilogram sedangkan harga jualan sepatutnya RM33," katanya.

> "Sepatutnya pengedar hantar benih padi ke PPK 12 Jerlun dua minggu lalu, tetapi sehingga hari ini pihak PPK memaklumkan belum terima kerana ada masalah di pihak pembekal"
>
> *Syafie Said, Pesawah*



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/10/2021 | THE SUN | NEWS | 3 |

# Nafas channels RM4.79m to PPN, PPK

**JERTEH:** The National Farmers Organisation (Nafas) has allocated RM4.79 million to be distributed to state farmers organisations (PPN) and area farmers organisations (PPK) nationwide to benefit 32,120 members.

Nafas board of directors chairman Datuk Zamri Yaakob said of the total, RM3.2 million was allocated for the distribution of *zakat* (tithe) to members.

"Each PPN will receive RM70,000 while PPK will receive RM8,000.

"As for Terengganu, the PPN and all 33 PPK will get a total of RM225,000, of which RM160,000 is for the provision of zakat to 1,600 members and the rest is for management purposes," he said in his speech at the presentation ceremony of Covid-19 aid in Gerai PPK here yesterday.

At the ceremony, a total of 378 members of the Gerai PPK, comprising farmers who had been infected with Covid-19 and were affected by the pandemic, received contributions in the form of basic necessities. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/10/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI SELANGOR | 24 |

# Pesawah terbeban kenaikan harga racun

Racun perosak lima liter dijual sehingga RM300 berbanding hanya RM145 sebelum ini

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

TANJONG KARANG

Kira-kira 300 pesawah di Kampung Sawah Sempadan di sini, dihimpit masalah kenaikan harga racun dua kali ganda sejak pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Jun lalu.

Pesawah mendakwa kenaikan harga racun itu membebankan berikutan pendapatan mereka terjejas teruk apabila terpaksa membeli racun pada harga jauh lebih tinggi.



ZULKARNAIN

Seorang pesawah, Ismail Sakun, 74, berkata, racun lima liter ketika ini dijual sehingga RM300 berbanding hanya RM145 sebelum ini.

"Harga racun lima liter sentiasa meningkat sejak negara dilanda pandemik daripada RM145 naik kepada RM200 dan kemudian meningkat hingga RM300.

"Keadaan ini amat membebankan pesawah, apatah lagi hasil pengeluaran dan pendapatan pesawah terus merosot," katanya kepada ketika ditemui di sini pada Selasa.

Ismail berkata, peniaga racun memaklumkan kepada pesawah terdapat beberapa faktor kenaikan harga racun di pasaran.

"Peniaga memberi alasan kononnya harga racun sentiasa meningkat, jika pesawah tidak beli hari ini, mungkin minggu depan harga sudah naik," katanya.

Menurut Ismail, keadaan itu sudah tentu membebankan pesawah apatah lagi tanaman padi mereka pada musim ini diserang penyakit ulat batang dan bena perang.

"Saya dimaklumkan ada pesawah yang mengusahakan 0.4 hektar sawah padi hanya mampu memperoleh pendapatan kira-kira RM600 semusim.

"Bayangkan pesawah terpaksa mengeluarkan belanja bagi pembelian benih, baja, racun dan kos lain," ujarnya.

Seorang lagi pesawah, Zulkarnain Md Sarif, 47, berkata, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) diminta menguatkuasakan akta supaya harga racun diletakkan sebagai barang kawalan.

Katanya, harga racun yang melambung tinggi dianggap tidak munasabah dalam keadaan pesawah dihimpit dengan kos sara hidup semakin tinggi.

"Kenaikan ini membebankan kami dan berharap ada jalan penyelesaian daripada pihak kerajaan bagi membantu pesawah," katanya.

Seorang pesawah, Mohd Firdaus Ismail, 27, berkata, kerajaan perlu memandang serius perkara itu terutama dalam usaha menarik minat golongan muda menceburi sektor penanaman padi.

Mohd Firdaus memberitahu ramai anak muda tidak berminat dalam sektor penanaman padi kerana dibelenggu dengan isu seperti kenaikan harga input pertanian dan sebagainya selain terpaksa mengerah kudrat berpanas setiap hari mengerjakan sawah.



Mohd Ruzi (kiri) dan Maruwan (kanan) meninjau sawah yang diserang ulat batang di Kampung Sawah Sempadan.



Ismail (kiri) dan Maruwan (kanan) menunjukkan racun dibeli pesawah yang mengalami kenaikan harga jauh lebih tinggi berbanding sebelum ini.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjong Karang, Mohd Ruzi Abu Hassan pula berkata, beliau berharap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dapat membantu pesawah menangani isu kenaikan harga racun.

Katanya, antara cadangan yang boleh dilaksanakan adalah dengan melantik Nafas untuk membekalkan racun pada harga jauh lebih murah berbanding harga pasaran.

"Kami berharap Nafas dilantik sebagai ejen membekalkan racun kepada pesawah pada harga jauh lebih murah," katanya.

Pegawai Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Burong, Maruwan Ahmad berkata, kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri diminta berganding bahu menyelesaikan kemelut dihadapi pesawah.

Katanya, kerajaan dicadang memberikan bantuan kecemasan kepada pesawah yang mengalami kerugian teruk pada musim tanaman kali ini.

Sementara itu, EXCO Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Izham Hashim berkata, kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal kenaikan harga racun.

Beliau memberitahu, terdapat banyak rungutan diterima beliau mengenai kenaikan harga racun di pasaran pada ketika ini.

"Penggunaan racun ini belum tentu dapat selesaikan masalah sebab itu kerajaan Selangor menggalakkan pesawah menggunakan cuka kayu sebagai racun organik.

"Kita dapati, sudah ramai pesawah di negeri ini yang menggunakan cuka kayu berjaya menangani isu serangan musuh tanaman dan kerosakan padi tanpa bergantung kepada racun," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/10/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Nafas salur RM4.79 juta kepada 32,120 ahli PPN, PPK

**Jerteh:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memperuntukkan RM4.79 juta untuk disalurkan kepada 32,120 ahli Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara, tahun ini.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob, berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM3.2 juta diperuntukkan untuk pemberian zakat kepada ahli di seluruh negara.

"Setiap PPN akan menerima peruntukan RM70,000, manakala PPK pula akan menerima RM8,000.

"Bagi Terengganu pula, PPN dan semua 33 PPK di negeri itu akan menerima sebanyak RM225,000. Sebanyak RM160,000 daripada jumlah itu untuk pemberian zakat kepada 1,600 ahli dan selebihnya untuk tujuan pengurusan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan Pergerakan Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) COVID-19 di PPK Gerai, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Abdul Rahman Bakri dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPN Terengganu, Datuk Rosli Harun.

Pada majlis itu, seramai 378 ahli PPK Gerai membabitkan peladang dari kawasan Jertih dan Hulu Besut yang pernah dijangkiti COVID-19 dan terkesan akibat pandemik itu menerima sumbangan barangan keperluan asas.

Dalam perkembangan lain, Zamri berkata, Nafas sedang membuat kajian status pemilikan aset ladang sawit di luar negara seluas kira-kira 12,140 hektar, sama ada untuk dijual atau sebaliknya berikutan tumpuan pertubuhan itu untuk penambahan pemilikan ladang di dalam negara.

"Nafas juga akan meningkatkan pendapatan melalui perniagaan, termasuk memberi tumpuan kepada sektor peladangan seperti kelapa sawit dan penternakan ayam bagi mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan," katanya.

BERNAMA



*Zamri Yaakob*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/10/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# NAFAS sedia peruntukan RM4.79 juta kepada 32,120 ahli



Zamri (tengah, barisan hadapan) merakam gambar kenangan bersama penerima dan wakil-wakil unit yang hadir sempena Majlis Sumbangan PKPD Covid-19 di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gerai, Besut pada Selasa.

**BESUT-** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah memperuntukkan sebanyak RM4.79 juta bagi tahun ini untuk disalurkan kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara sekali gus akan memberi manfaat kepada kira-kira 32,120 orang penerima di seluruh negara.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob berkata, daripada peruntukan itu, sebanyak RM3.2 juta akan disalurkan sebagai wakalah zakat di mana setiap PPN akan menerima RM70,000 manakala setiap PPK akan menerima peruntukkan sebanyak RM8,000.

"Gerakan Pertubuhan Peladang merupakan satu gerakan yang besar. NAFAS di peringkat nasional dianggotai oleh 14 PPN, 279 PPK dan hampir sejuta ahli-ahli peladang di seluruh negara.

"Justeru adalah menjadi tanggungjawab NAFAS untuk menjaga kebajikan semua komponen gerakan yang bernaung di bawah Keluarga Peladang ini.

"Keluarga Peladang ini pula akan bergerak sebagai subset yang akan melengkapi Keluarga Malaysia yang lebih besar. Oleh itu, saya berharap supaya Keluarga Peladang ini bergerak akrab dan sentiasa menjaga antara satu sama lain," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Covid-19 di PPK Gerai di sini pada Selasa.

Pada majlis tersebut seramai 378 penerima yang layak telah menerima bantuan terbabit melibatkan ahli Peladang daerah Hulu Besut.

Mengulas lanjut mengenai peruntukan berkenaan, Zamri berkata, secara perinciannya Terengganu bakal menerima peruntukan RM225,000 dengan agihan zakat sebanyak RM160,000 yang akan memberi manfaat kepada 1,600 orang asnaf di Terengganu.

Sementara itu, Ketua Unit Kampung Gong Gemuntong, Wan Ali Abdullah, 72, berkata, sumbangan yang diberi kepada 10 penerima di bawah unitnya diharap dapat meringankan bebanan kepada mereka.

"Kami sangat berbesar hati dengan sumbangan diberikan kerana merasakan dihargai walaupun kami hanya ahli biasa tetapi pihak atasan sentiasa menunjukkan keprihatinan mereka dengan situasi ahli terutamanya pada musim sebegini (Covid-19)," katanya.

Ketua Unit Layout Gerai, Ahmad Awang, 65, pula amat berterima kasih dengan keprihatinan pihak NAFAS dalam menghulurkan bantuan kepada ahli.

"Majoriti penerima di bawah unit saya bukan sahaja yang terlibat dengan pesakit positif Covid-19 tetapi juga ada dalam kalangan mereka golongan asnaf.

"Jadi saya harap sumbangan ini dapat meringankan beban ditanggung mereka," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/10/2021 | KOSMO | NEGARA | 17 |

Seramai 32,120 ahli terjejas akibat pandemik Covid-19 dapat manfaat peruntukan

# Nafas sedia RM4.79j bantu peladang

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**BESUT** – Nasib hampir sejuta peladang terutama golongan asnaf dan mereka yang terkesan akibat pandemik Covid-19 mendapat perhatian daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Pengerusi Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, pihaknya telah memperuntukkan RM4.79 juta pada tahun ini sebagai sumbangan bagi meringankan beban ahli-ahli terlibat.

Menurutnya, peruntukan yang disalurkan menerusi 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan 249 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara itu memberi manfaat kepada 32,120 peladang.

"Gerakan pertubuhan peladang adalah gerakan besar dengan konsep Keluarga Peladang yang merupakan subset melengkapi Keluarga Malaysia.

"Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab Nafas menjaga kebajikan semua komponen yang bernaung di bawah kami," katanya selepas menyampaikan sumbangan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) Covid-19 kepada 378 ahli peladang Besut di PPK Gerai, Jertih di sini semalam.



**ZAMRI (depan, tiga dari kiri) bersama sebahagian penerima sumbangan PKPD Covid-19 daripada Nafas di PPK Gerai, Jertih, Besut semalam.** – PUTQRA HAIRRY ROSLI

Zamri memberitahu, sebahagian daripada sumbangan RM4.79 juta tersebut iaitu RM3.2 juta akan disalurkan sebagai wakalah zakat.

Katanya, setiap PPN dan PPK masing-masing akan menerima sebanyak RM70,000 dan RM8,000 agihan zakat yang kemudiannya akan diagihkan kepada asnaf berkelayakan.

"Bagi Terengganu, sebanyak RM225,000 termasuk RM160,000 agihan zakat telah diperuntukan pada tahun ini," ujarnya.

Sementara itu, seorang penerima, Wan Ali Abdullah, 72, dari PPK Gong Kemuntong terharu dengan keprihatinan Nafas dalam membantu meringankan beban ahli-ahli peladang.

"Saya amat berbesar hati Nafas ambil cakna dengan kebajikan ahli peladang yang sudah pastinya amat terkesan dengan tempias penularan pandemik Covid-19," katanya.

Seorang lagi penerima, Ahmad Awang, 65, daripada PPK Lay Out Gerai pula berkata, ahli peladang di daerah Besut amat terkesan kerana kawasan penempatan mereka lebih dua kali dikenakan PKPD sepanjang tahun ini.

"Saya akui ada dalam kalangan ahli peladang keputusan bekalan makanan sewaktu terkurung di dalam rumah sepanjang PKPD.

"Begitupun kami di peringkat PPK tidak akan membiarkan dan cepat-cepat menghulurkan bantuan. Sumbangan tambahan daripada Nafas ini amat besar maknanya kepada kami," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/10/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# *Biofloc* taruhan usaha Naim

Oleh ROSLIZA MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

**BACHOK:** Keberanian Muhammad Naim Saa'ri, 32, mengambil risiko menternak udang putih menggunakan kaedah dipanggil *biofloc* berbaloi kerana dia kini mendapat pulangan lumayan dengan pendapatan mencecah lima angka sebulan.

*Biofloc* merupakan kaedah penternakan yang memanfaatkan kewujudan mikroogranisma *in situ* bagi menambah baik ekosistem air sekali gus mempercepatkan kadar tumbesaran ikan atau udang yang diternak selain meningkatkan kualitinya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Muhammad Naim dari Kampung Tok Kederat, Kandis di sini berkata, walaupun sudah lama dipraktikkan di negara jiran, kaedah *biofloc* masih lagi asing di negara ini.

Malah katanya, setakat ini, dia menjadi penternak udang putih pertama mengguna pakai kaedah tersebut di Kelantan yang bukan sahaja menjimatkan masa, malah jauh lebih mesra alam berbanding kaedah konvensional.

"Saya mula mengusahakan ternakan ini Jun lalu. Saya perlu menyedut air laut dengan jarak kira-kira 15 meter untuk disalurkan ke setiap tangki ternakan di ladang ternakan seluas 0.28 hektar yang saya sewa dengan bayaran RM5,000 setahun.



MUHAMMAD Naim Saa'ri menunjukkan udang putih yang diternak di Kampung Tok Kederat, Kandis, Bachok. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

"Alhamdulillah dalam masa empat bulan, saya sudah ada 23 tangki ternakan, dengan jumlah pengeluaran mencecah 150,000 ekor udang putih untuk satu kitaran," kata pemuda lulusan Diploma Pengurusan Perniagaan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang itu.

Muhammad Naim berkata, pada peringkat awal, dia bermodalkan RM2,000 untuk menternak 50,000 benih udang putih yang diisikan di dalam lima tangki khas, namun 25 peratus daripada udang tersebut mati disebabkan tahap kemasinan air laut yang tidak sesuai.

Kegagalan itu tidak mematahkan semangat apabila dia terus gigih mempelajari pelbagai teknik penternakan berkaitan kaedah *biofloc* menerusi YouTube, selain mendapat khidmat nasihat Jabatan Perikanan serta penternak berpengalaman.

"Lama kelamaan, udang putih yang laris sebagai umpan untuk memancing ini akhirnya membiak dengan banyak. Saya kini mempunyai pembeli tetap terdiri daripada kaki pancing sekitar daerah ini, Pasir Puteh, Kota Bharu dan Tumpat.

"Udang putih dijual bermula pada harga RM45 hingga RM60 sekilogram, bergantung kepada saiz. Selepas berusia lebih kurang dua bulan dengan ukuran kira-kira 15 sentimeter panjang, ia sudah boleh dijual," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/10/2021 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA KAMPUS | 28 |



PEMANDANGAN keseluruhan tapak projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) UiTM Melaka kampus Alor Gajah yang dirakam dari udara.

## Waqaf Dusun Ilmu UiTM berjalan lancar

# Masuk fasa penjagaan pokok buah-buahan

PROJEK wakaf tanaman buah-buahan UiTM cawangan Melaka yang dimulakan Januari lalu kini memasuki fasa kedua iaitu fasa penjagaan, pemeliharaan dan rawatan tanaman pokok buah-buahan pelbagai jenis.

Projek yang diberi nama Waqaf Dusun Ilmu atau singkatannya WaDI UiTM Melaka telah menginjak usia setengah tahun apabila telah memasuki tempoh separuh tahun sejak ia dilancarkan penanamannya.

Projek yang dibangunkan dalam kawasan yang berhampiran dengan pintu masuk 2 UiTM Kampus Alor Gajah ini dilihat semakin pesat dengan kemajuan, sehingga menjadi buah mulut masyarakat setempat dan warga UiTM khususnya.

Prof. Dr. Abd Halim Mohd. Noor yang menjalankan tugas Rektor UiTM Cawangan Melaka berkata, projek WaDI mula beralih ke fasa baru pertengahan tahun ini, walaupun negara ketika itu berada dalam perintah kawalan pergerakan (PKP).

"Walaupun ada kekangan beberapa aktiviti gara-gara PKP, kita dapat menggerakkan kerja-kerja asas pertanian di WaDI seperti sediakala apabila berjaya mendapatkan seorang tenaga buruh sepenuh masa bagi menjaga kawasan tanaman ini.



TUKANG kebun WaDI menjalankan kerja-kerja menggembur tanah dan membersihkan kawasan tanaman anak pokok.

"Ini penting supaya pertumbuhan pokok buah-buahan ini mengikut jadual yang dirancang. Lantikan ini juga merupakan satu manifestasi kemanisan wakaf yang disumbangkan. Bahkan kita juga mendapat maklum balas positif daripada masyarakat setempat yang rata-rata memuji penjagaan kawasan tanaman sebagai bersih dan teratur," katanya.

Januari lalu, UiTM Melaka melancarkan projek wakaf tanaman yang berintegrasi di antara dusun buah-buahan dengan elemen rekreasi.

Projek ini meliputi penanaman pokok buah-buahan pelbagai jenis, serta pembinaan kemudahan rekreasi dan riadah seperti trek joging, trek berbasikal, kolam, trek aktiviti lasak (Palapes), gazebo dan sebagainya.

Antara pokok yang ditanam di kawasan seluas kira-kira 0.8 hektar ini ialah pokok durian Musang King, durian Duri Hitam, pokok manggis Mesta, pokok rambutan Mutiara, cempedak, nangka, kelapa Mataq dan lain-lain.

**MENGGAJI PEKEBUN**

Bermula awal Julai lalu, pihak WaDI mengupah seorang pekebun sepenuh masa bagi menjalankan tugas-tugas seperti mesin rumput, merumpai, meracun dan membaja setiap minggu.

Sementara itu, Koordinator Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah (EL-WAZIF) UiTM Cawangan Melaka, Muaz Mohd. Noor memberitahu, kutipan sumbangan wakaf bagi projek ini sudah terkumpul hampir RM 70,000 sejak dilancarkan awal tahun ini.

"Kami mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penyumbang dan pewakaf-pewakaf WaDI, baik dari orang perseorangan, kumpulan dan persatuan yang menyumbang kepada projek amal ini.

"Walaupun tidak dapat bergerak berkempen secara fizikal dengan bantuan penyebaran iklan secara dalaman, kita berjaya memperoleh sumbangan dari ramai dermawan termasuk dari Sabah dan Sarawak", ujarnya.

September lalu, WaDI menerima sumbangan RM12,635 dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Melaka, antara jumlah terbesar setakat ini.

Menurut Muaz, WaDI menyasarkan kutipan keseluruhan RM150,000 bagi tempoh satu ke tiga tahun.

Ia meliputi kos input pertanian, kos input pembangunan seperti pembinaan stor dan stesen kerja WaDI serta kos tenaga kerja atau buruh.

"Pewakaf boleh menyumbang melalui pelbagai kaedah seperti sumbangan terus ke akaun Bendahari UiTM Cawangan Melaka melalui akaun Bank Islam, 0402-4010-0176-52 (rujukan: Waqaf Dusun Ilmu) atau hubungi pejabat el-Wazif UiTM Melaka untuk maklumat lanjut", ujar beliau.